

Pertumbuhan Ekonomi Jangka Pendek, Suku Pertama 2017

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Ekonomi Malaysia terus menunjukkan momentum pertumbuhan yang memberangsangkan. Keluaran dalam negara kasar (KDNK) telah tumbuh pada kadar 5.6 peratus setahun pada suku pertama tahun ini. Kadar ini adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar pertumbuhan di kesemua suku tahun lepas. KDNK tahun lepas telah tumbuh pada kadar 4.2 peratus dengan setiap suku menunjukkan peningkatan kadar pertumbuhan.

Pertumbuhan yang lebih baik dari jangkaan ini disokong antara lain oleh prestasi sektor pertanian yang baik. Sektor pertanian yang menyumbang 7.8 peratus kepada KDNK telah tumbuh dengan kadar 8.3 peratus pada suku pertama 2016. Sebagai bandingan, sektor pertanian merekodkan pertumbuhan negatif (-5.1 peratus) pada tahun lepas. Pertumbuhan sektor pertanian yang laju ini disokong oleh pertumbuhan dua-angka sektor kelapa sawit dan getah. Pada tahun lepas kedua-dua sektor ini menunjukkan pertumbuhan negatif.

Eksport minyak sawit dan getah serta produk-produk mereka meningkat disebabkan oleh peningkatan harga disokong pula oleh permintaan global yang bertambah baik. Peningkatan harga kedua-dua komoditi pertanian ini disebabkan oleh kekurangan penawaran kesan dari fenomena *El Nino*.

Sementara itu, permintaan global secara keseluruhannya bertambah baik. Negara-negara pengeksport komoditi mengalami pertumbuhan ekonomi yang baik kesan dari peningkatan harga komoditi utama, termasuk komoditi pertanian dan galian. Harga minyak mentah didapati lebih stabil, walaupun masih di bawah paras harga sebelum krisis. Harga minyak mentah untuk tahun ini diunjurkan berada pada julat 50 – 60 dolar Amerika setong.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Dalam pada itu, perjumpaan di antara Presiden Trump dan Raja Salman, Arab Saudi di *Arab Islamic American Summit* yang bermula pada hujung minggu lepas dijangka akan memberi impak positif kepada pasaran minyak global. Pasaran minyak mentah dunia yang mengalami kejatuhan harga mendadak telah berlarutan lebih dari dua tahun. Keadaan pasaran minyak dunia dipengaruhi oleh percaturan di antara pengeluar minyak syal Amerika dan Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC). Sebarang persetujuan di antara Amerika dan Arab Saudi dijangka memberi prospek positif terhadap pasaran minyak dunia.

Peningkatan harga komoditi utama dunia ini akan memberi impak positif terhadap permintaan global. Bukan sahaja permintaan dari negara-negara pengeksport terbabit akan meningkat, ianya turut memberi kesan terhadap permintaan dari negara-negara ekonomi utama dunia. Keadaan ini adalah baik untuk prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia. Peningkatan harga komoditi, terutama minyak dan gas serta komoditi pertanian termasuk minyak sawit dan getah memberi kesan langsung terhadap peningkatan KDNK. Dalam pada itu, peningkatan permintaan global yang terhasil dari situasi tersebut turut memberi impak positif terhadap eksport negara.

Peningkatan eksport bersih negara adalah baik untuk prospek pertumbuhan ekonomi jangka pendek. Pertumbuhan ekonomi Malaysia semakin perlahan semenjak dua tahun kebelakangan ini kerana ianya lebih bergantung kepada permintaan domestik kesan dari permintaan global yang lembap. Jadi sumbangan dari permintaan global dijangka lebih besar pada tahun ini sekali gus akan meningkatkan pertumbuhan KDNK negara.

Dari sudut permintaan domestik, data suku pertama 2017 juga menunjukkan peningkatan. Perbelanjaan swasta dan pelaburan merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi untuk suku tersebut. Perbelanjaan swasta telah tumbuh pada kadar 6.6 peratus setahun, lebih laju berbanding dengan pertumbuhan 6.1 peratus untuk suku keempat 2016. Pertumbuhan yang lebih laju ini tercapai walaupun hutang isi rumah di dapati menurun. Nisbah hutang isi rumah berbanding KDNK untuk 2016 telah menurun ke 88.4 peratus berbanding dengan 89.1 peratus pada tahun 2015. Ini

merupakan suatu kemajuan yang baik, di mana peningkatan perbelanjaan swasta kemungkinan besar disumbangkan oleh peningkatan pendapatan.

Suatu perkembangan yang memberangsangkan dicatatkan di dalam aktiviti pelaburan untuk suku pertama 2017. Ini adalah baik kerana bukan sahaja ianya menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi semasa, peningkatan pelaburan akan meningkatkan keupayaan pengeluaran akan datang yang mana penting untuk pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

Aktiviti pelaburan yang diukur melalui pembentukan modal tetap kasar merekodkan pertumbuhan pada kadar 10.0 peratus setahun untuk suku pertama tahun ini berbanding dengan pertumbuhan yang lebih perlahan pada kadar 2.4 peratus untuk suku keempat 2016. Hampir 72 peratus pelaburan adalah dari sektor swasta terutama untuk mesin dan peralatan.

Peningkatan aktiviti pelaburan ini konsisten dengan sentimen perniagaan yang ditunjukkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan (BCI) berdasarkan tinjauan yang dibuat oleh MIER. BCI untuk suku pertama 2017 menunjukkan peningkatan 38.8 peratus berbanding dengan suku keempat 2016. Peningkatan BCI adalah lebih terserlah berkaitan dengan jangkaan akan datang. Para peniaga melaporkan bahawa permintaan untuk eksport meningkat lebih dari sekali ganda berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas.

Justeru, peningkatan pelaburan untuk mesin dan peralatan yang mencatatkan pertumbuhan dua angka 21.8 peratus adalah untuk memuaskan permintaan eksport. Pertumbuhan ekonomi yang dipacu oleh pelaburan swasta adalah lebih mapan kerana keseimbangan di antara peningkatan permintaan dan penawaran. Peningkatan permintaan tanpa disokong oleh peningkatan penawaran akan meningkatkan kadar inflasi di dalam ekonomi.

Dalam pada itu kira-kira 28 peratus dari pelaburan adalah merupakan pelaburan awam. Perkembangan ini juga amat penting untuk peningkatan keupayaan infrastruktur. Ini adalah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan di masa akan datang.